

Apakah yang dimaksudkan dengan "Nombor Bil" dan apakah peranannya?

Pengenalan penggunaan "Nombor Bil" sebagai rujukan mandatori mulai 1 Januari 2023 oleh HASiL dilihat sebagai kaedah terbaik dalam memudahkan proses pembayaran semua jenis cukai langsung [kecuali bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) dan Duti Setem]. Bayaran menggunakan Nombor Bil dapat memastikan bayaran cukai lebih mudah, cepat, selamat dan terkini (real time). Pelaksanaannya juga dapat mengatasi masalah berkaitan dengan bayaran seperti yang berikut:

- Maklumat bayaran yang tidak lengkap.
- Kesilapan kod bayaran.
- Bayaran ganjil.

Maklumat berkenaan Nombor Bil boleh diperoleh dengan cara yang berikut:

- Layari Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/> > klik Perkhidmatan ezHasil > klik e-Billing, atau
- Dinyatakan dalam notis taksiran/anggaran dan surat tuntutan bayaran yang dihantar oleh HASiL kepada pembayar cukai.

Bayaran boleh dibuat secara dalam talian atau melalui kaunter Pusat Bayaran HASiL dan bank ejen. Bagi tujuan bayaran di kaunter dan bank ejen, pembayar cukai perlu mencetak slip bayaran atau muat turun Nombor Bil yang diperlukan dengan mengimbas Kod QR yang dipaparkan pada slip bayaran berkenaan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan penggunaan Nombor Bil dan aspek percukaian langsung yang lain boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my.